



PENGELUARAN MENINGGALKAN NEGARA

TUJUAN

Pengeluaran Ini Boleh Dimohon Oleh :

- Warganegara Malaysia yang telah melepaskan atau melucutkan taraf kewarganegaraan untuk berhijrah ke negara lain ATAU
- Bukan warganegara Malaysia yang telah berhenti kerja dan akan meninggalkan Malaysia

KELAYAKAN MEMOHON

1. Ahli Warganegara Malaysia/Penduduk Tetap (PR) yang telah melepaskan atau melucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia; **ATAU**

Ahli Bukan warganegara Malaysia (Ekspatiat/Pekerja Asing) yang telah tamat tempoh perkhidmatan dan kembali ke Negara asal; DAN

2. Ahli Warganegara Malaysia/ Bukan Warganegara yang berdaftar sebelum 1 Ogos 1998 dan belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh KWSP; **ATAU**

Ahli Bukan Warganegara yang berdaftar pada/selepas 1 Ogos 1998, tiada had umur kelayakan untuk permohonan pengeluaran; DAN

3. Ahli masih mempunyai simpanan dalam Akaun KWSP.

SYARAT PENGELUARAN

1. Bagi warganegara Malaysia dan pemastautin tetap :
 - Status kewarganegaraan Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap hendaklah telah dilepaskan atau dilucutkan
2. Bagi ekspatriat dan pekerja asing :
 - Telah berhenti kerja sama ada pengesahan melalui surat berhenti kerja, Penyata Pelepasan Cukai Pendapatan atau penamatan permit kerja oleh Jabatan Imigresen
 - Pekerja berstatus TALENT perlu membatalkan Pas Pemastautin
 - Warganegara asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia perlu membatalkan Pas Pemastautin
 - Memo periksa keluar dari Jabatan Imigresen Malaysia bagi pekerja asing
3. Bagi ekspatriat, ahli boleh memohon dalam tempoh dua bulan :
 - Sebelum tamat tempoh permit kerja atau sebelum tamat apa-apa tempoh lanjutan permit kerja dari tarikh permohonan dikemukakan; ATAU
 - Sebelum penamatan perkhidmatan oleh majikan
4. Bagi Pekerja Asing, ahli boleh memohon dalam tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh permit kerja ATAU sebelum tamat apa-apa tempoh lanjutan permit kerja dari tarikh permohonan dikemukakan.

AMAUN YANG LAYAK DIKELUARKAN

- Semua simpanan dalam akaun KWSP ahli

KAEDAH BAYARAN

1. Bayaran Dalam Malaysia

Bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank ahli dengan syarat :-

- Ahli mempunyai akaun bank yang aktif dengan panel KWSP yang dilantik; DAN
- Nombor pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank.
- Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM).
- Sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank ahli, bayaran akan dibuat melalui Cek Jurubank.

2. Bayaran Luar Malaysia

Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing

Jenis matawang adalah seperti berikut :-

- Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; ATAU
- Dalam matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh ahli dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing.

DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Borang Pengeluaran KWSP 9K (AHL)
2. Salinan passport yang masih sah laku yang jelas menunjukkan nama dan nombor passport
3. Maklumat Akaun Bank (Ahli digalakkan membawa buku akaun bank / penyata akaun bank / salinan akaun bank semasa membuat permohonan)
4. Borang KWSP 3 (pindaan) – jika pengecaman cap ibu jari gagal di kaunter / permohonan melalui pos

DOKUMEN SOKONGAN

1. Sila rujuk Senarai Semak Dokumen Pengeluaran Meninggalkan Negara untuk semua dokumen yang diperlukan di laman web KWSP dan kaunter
2. KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan dan menolak permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan

NOTA AMARAN

Membuat Kenyataan Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu

Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007.

PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi :-

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Perhubungan. Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang dipohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

Anda Keutamaan Kami